

Sekolah agama tubuh kelab silat

B. Harian (M)

12 MAY 1988
Oleh M ROSELAN MALEK

BEBERAPA nilai murni sejajar dengan kehendak Islam seperti memupuk kesabaran, bertolak ansur dan bersikap tabah dapat dipelajari melalui satu kesenian warisan bangsa, iaitu seni silat.

Menyedari hakikat ini Sekolah Menengah Agama Pahang, Jerantut (SMAP) menubuhkan pasukan Seni Silat Gayung Lakasamana Malaysia.

Pertubuhan itu disertai oleh pelajar-pelajar yang berminat daripada tingkatan satu hingga lima.

"Kegiatan ini adalah se-

bahagian daripada kegiatan kokurikulum yang dijalankan di sekolah ini," terang pengetua SMAP, Haji Mansor Haji Kadir.

"Nilai-nilai disiplin yang sangat penting kepada pelajar juga dapat diserapkan melalui kegiatan seni silat," tegas Haji Mansor.

Pertubuhan seni silat sekolah itu mendapat kerjasama daripada Pertubuhan Seni Gayung Lakasamana Malaysia cawangan Jerantut yang di-

pimpin oleh Encik Zakaria Haji Utih.

Enam tenaga pengajar daripada pertubuhan itu melatih pelajar empat kali seminggu.

Penubuhan pasukan seni silat SMAP dirasmikan oleh Pengarah Pendidikan Daerah, Encik Mohamed Hassan, baru-baru ini.

Menurut guru penasihat persatuan, Encik Zainuren Mohd Nor, pelajar yang menganggotai persatuan itu dibahagi kepada tiga kumpulan.